



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 21 MEI 2025

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	TINGKAT PENGELUARAN PADI, GUNA BENIH PADI SAH, FORUM, UTUSAN MALAYSIA-26	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
2.	EKOSISTEM SUNGAI DIKUASAI IKAN ASING, NEGERI, SINAR HARIAN-26	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
3.	MANUSIA MAKIN HILANG EMPATI TERHADAP HAIWAN, SUARA SINAR, SINAR HARIAN-16	LAIN-LAIN
4.	TANGANI ISU SISA MAKANAN, WM, HARIAN METRO-38	
5.	KIKO SEBERAT 1.1 TAN DIJUAL RM30,000, NEGARA, KOSMO-14	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Tingkat pengeluaran padi, guna benih padi sah

DALAM usaha memperkukuh keselamatan makanan negara serta meningkatkan hasil pengeluaran padi nasional, pembangunan benih padi hibrid merupakan antara pendekatan strategik yang dikenal pasti berpotensi besar untuk dilaksanakan secara meluas.

Namun, fenomena penggunaan benih padi varieti tidak berdaftar seperti hibrid China, hibrid Indonesia, padi 85 hari, padi Taiwan dan lain-lain yang kini kerap dijual dan seterusnya ditanam tanpa kawalan rasmi amat membimbangkan. Varieti tidak berdaftar ini tidak menjalani pengesahan dari aspek ketulen genetik, ketahanan penyakit, atau kesesuaian iklim setempat. Ketiadaan maklumat saintifik ini boleh menyebabkan tanaman lebih mudah terdedah kepada serangan penyakit bawaan kulat, bakteria serta serangga perosak, terutamanya dalam keadaan cuaca tidak menentu.

Bagaimanapun, Jabatan Pertanian mengingatkan bahawa penggunaan benih padi tidak sah atau dibawa masuk secara haram dari luar negara adalah dilarang sama sekali. Perbuatan ini merupakan satu kesalahan di bawah Akta Kawalan Padi dan Beras (Akta 522) dan peraturan di bawahnya serta Akta Kuarantin Tumbuhan 1976 dan Peraturan Kuarantin Tumbuhan 1981. Selain itu, pengimportan benih padi bagi tujuan penyelidikan adalah dikawal di bawah Peraturan-Peraturan Kuarantin Tumbuhan 1981, Akta Kuarantin Tumbuhan 1976 (Akta 167) di mana ia tertakluk kepada kelulusan dan prosedur kuarantin tumbuhan bagi memastikan ia bebas dari perosak dan penyakit. Di bawah akta ini juga, benih padi yang dibawa masuk secara haram boleh dirampas dan sekiranya telah ditanam, pokok padi tersebut boleh dimusnahkan apabila didapati tidak mematuhi mana-mana peruntukan di dalam akta tersebut.

Risiko utama ialah, apabila varieti tidak

sah ini tidak bebas penyakit, ia berpotensi menjadi sumber jangkitan yang merebak ke sawah-sawah berdekatan, seterusnya mengancam pengeluaran hasil secara menyeluruh. Ini boleh menyebabkan kejatuhan hasil padi dan kekurangan bekalan beras negara.

Jabatan Pertanian menegaskan bahawa sistem pengesahan benih padi sah di bawah Skim Pengesahan Benih Padi (SPBP) melibatkan proses kawalan yang ketat bermula daripada benih baka dan asas yang dikeluarkan oleh pembiak baka, benih padi daftar dan sah yang dikeluarkan oleh pengeluar benih padi sah sebelum diedarkan kepada pesawah. Proses di bawah skim ini dilaksanakan oleh Jabatan Pertanian bagi memperakui ketulen genetik dan identiti varieti benih padi serta kualiti benih padi yang dikeluarkan oleh pengeluar benih padi yang sah dilantik.

Bagi memastikan pengeluaran benih padi hibrid dilaksanakan mengikut tatacara yang betul, Jabatan Pertanian telah menyediakan garis panduan bertajuk Standard Jabatan Pertanian Malaysia (SJPM - 2021) dan berdasarkan spesifikasi bagi pengeluaran benih padi hibrid. Dokumen boleh dirujuk di laman sesawang rasmi Jabatan Pertanian di www.doa.gov.my. Pihak Mardi juga telah menerbitkan Manual Teknologi Penanaman Padi Hibrid sebagai panduan lengkap kepada pesawah dalam menguruskan penanaman varieti padi hibrid tempatan.

Jabatan Pertanian menyeru semua pihak untuk bersama-sama menyokong penggunaan benih padi sah dan mematuhi garis panduan yang telah ditetapkan demi kemampanan industri padi negara dan keselamatan makanan negara.

**JABATAN PERTANIAN
KEMENTERIAN PERTANIAN
DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)**



PENGUNAAN benih padi tidak sah akan mengancam pengeluaran hasil secara menyeluruh dan boleh menyebabkan kejatuhan hasil padi dan kekurangan bekalan beras negara.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/5/2025	SINAR HARIAN	NEGERI	26

Ekosistem sungai dikuasai ikan asing

Situasi disifatkan membimbangkan, hanya sungai di Pantai Timur tidak dijajah

Oleh SYAMILAH ZULKIFLI
SEREMBAN

Ekosistem sungai di negeri-negeri Semenanjung kecuali di Pantai Timur berada dalam keadaan membimbangkan apabila telah dikuasai spesies ikan asing terutama ikan bandaraya.

Pengasas Pertubuhan Komuniti Pemburu Ikan Asing, Muhammad Haziq A Rahman berkata, data tersebut diperoleh berdasarkan tinjauan dan aktiviti memburu ikan asing yang diadakan dengan kerjasama Jabatan Perikanan.

Menurutnya, sejak misi skuad tersebut bermula pada 2022, lebih 40,000 ikan asing kebanyakannya ikan bandaraya berjaya ditangkap.

"Tumpuan kita semestinya di Selangor kerana kita bermula di negeri itu dan mengikut rekod, kita sudah tangkap 22,000 ikan bandaraya sejak misi itu bermula.

"Hampir keseluruhan negeri di Semenanjung kecuali negeri Pantai Timur ada ikan asing ini," katanya



Ikan bandaraya dikesan menguasai ekosistem sungai-sungai di Semenanjung.

ditemui pada Program Inventori Perikanan Darat dan Memburu Ikan Asing Peringkat Negeri Sembilan di Sungai Kampung Kayu Ara, Mambau di sini.

Jelas beliau, Perak merupakan negeri kedua selepas Selangor yang mempunyai jumlah tangkapan ikan asing paling tinggi direkodkan, diikuti Kedah dan Pulau Pinang.

Tambahnya, beberapa sungai telah dikategorikan sebagai zon merah apabila dalam tempoh satu jam, se-



MUHAMMAD HAZIQ

banyak satu tan ikan bandaraya berjaya ditangkap.

Sementara itu, beliau mencadangkan supaya kerajaan negeri lain mengikut langkah Selangor yang menawarkan insentif RM1 bagi setiap satu kilogram tangkapan ikan terbabit.

"Dengan cara itu saya nampak dapat menggalakkan lagi ma-

syarakat untuk turun padang menyelamatkan ekosistem sungai kita daripada ancaman ikan asing ini," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/5/2025	SINAR HARIAN	SUARA SINAR	16

Manusia makin hilang empati terhadap haiwan



ANALISIS
MUKA 16

NOOR AINON
MOHAMED YUSOF

Tindakan mencederakan atau penderaan haiwan termasuk di jalanan bukan sahaja menggambarkan tingkah laku kejam malah menunjukkan rasa empati individu makin terhakis.

Di negara kita, laporan berhubung kejadian individu menyeksa, membunuh atau mencederakan kucing atau anjing semakin mendapat perhatian setelah banyak rakaman tular di media sosial.

Kejadian terbaru melibatkan warga emas berusia 70-an yang ditahan dipercayai memukul dan membaling kucing ke kawasan rumah tidak berpenghuni di Taman Yayasan, Buloh Kasap, Segamat, Johor, baru-baru ini.

Statistik daripada Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) menunjukkan peningkatan laporan terhadap penderaan haiwan termasuk kucing dalam tempoh lima tahun kebelakangan ini.

Pada tahun 2021, aduan jenayah terhadap haiwan mencatatkan 1,249 kes, 1,580 kes (2022), 2,620 (2023) dan 2,458 kes dicatatkan setakat Julai tahun lalu.

Antara jenis aduan yang diterima termasuk menyepak, memukul, merantai haiwan dengan tali pendek, melaga haiwan, membakar dan membunuh.

Daripada angka itu, anjing mencatatkan jumlah penderaan tertinggi diikuti oleh kucing, kuda, arnab, burung dan lembu.

Selain itu turut dilaporkan mengenai penderaan terhadap haiwan

lain seperti ayam, hamster, kambing, guinea pig, angsa, ikan, itik, kura-kura dan juga ular.

Penulis percaya jumlah sebenar penderaan di luar pengetahuan pihak berkuasa mungkin jauh lebih tinggi.

Tindakan individu mencederakan haiwan peliharaan boleh dikaitkan dengan beberapa faktor antaranya kegagalan mendidik nilai empati terhadap haiwan.

Tekanan emosi dan masalah kesihatan mental turut menjadi pemangkin. Keganasan terhadap haiwan boleh menjadi petunjuk awal kecenderungan kepada jenayah lebih serius termasuk jenayah terhadap manusia.

Undang-undang seperti Akta Kebajikan Haiwan 2015 (Akta 772) yang memperuntukkan denda sehingga RM100,000 atau penjara tiga tahun, jika disabitkan kesalahan perlu dikuatkuasakan.

Langkah itu bagi membendung kezaliman terhadap haiwan peliharaan termasuk di jalanan selain memberi pengajaran bahawa sebarang jenayah terhadap haiwan adalah perkara yang serius.

Selain itu, sistem aduan lebih mesra pengguna seperti aplikasi mudah alih atau talian khas, perlu diwujudkan bagi menggalakkan orang awam tampil melaporkan jenayah ini lebih efisien.

Pendekatan pendidikan dan advokasi juga harus diperkasa. Pertubuhan bukan kerajaan (NGO) berasaskan kebajikan haiwan seperti *Society for the Prevention of Cruelty to Animals (SPCA) Selangor*, Persatuan Haiwan Malaysia dan individu pencinta haiwan perlu diberi ruang dan sokongan untuk meneruskan kempen kesedaran.

Program khidmat masyarakat yang melibatkan pelajar sekolah di pusat jagaan haiwan boleh menyemai nilai empati secara langsung.



Antara jenis aduan yang diterima termasuk menyepak, memukul, merantai haiwan dengan tali pendek, melaga haiwan, membakar dan membunuh."

Tanggungjawab pemilik haiwan juga dapat membantu mengurangkan perlakuan penganiayaan kepada haiwan peliharaan mereka dengan mendapatkan nasihat pakar berkaitan veterinar.

Antara usaha yang diperkenalkan di Perak adalah program Pawsitive oleh kerajaan negeri bersama NGO pencinta haiwan.

Melalui pendekatan mesra haiwan, program tersebut memfokuskan kepada usaha pemandulan, vaksinasi, penjagaan sementara dan haiwan angkat.

Jumlah anjing dan kucing yang dimandulkan di bawah Perak Pawsitive sehingga Sabtu lalu adalah 169 anjing dan 239 kucing.

Perlindungan haiwan adalah tanggungjawab bersama. Setiap individu mempunyai peranan sama ada dengan menyelamatkan haiwan, berkongsi maklumat mahupun mendidik orang sekeliling agar lebih prihatin terhadap makhluk ini.

Setiap tindakan walaupun kecil mampu membawa perubahan besar terhadap nasib haiwan di negara ini.

Secara keseluruhannya, tindakan mencederakan kucing mahupun anjing bukanlah sekadar kes terpercik semata-mata.

** Noor Ainon Mohamed Yusof ialah wartawan Sinar Harian*

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/5/2025	HARIAN METRO	WM	38

TANGANI ISU SISA MAKANAN

Oleh Nor 'Asyikin Mat Hayin
asyikin.mat@hmetro.com.my

Usaha menangani isu sisa makanan di Malaysia kini mendapat suntikan baharu melalui kaedah Pengkomposan Sisa Makanan berasaskan bio di bawah Program Kembara Komuniti Malaysian Bioeconomy Development Corporation (Bioeconomy Corporation).

Kaedah yang memupuk amalan kelestarian alam sekitar melalui pendekatan ekonomi kitaran tertutup itu dilaksanakan secara kerjasama strategik antara Bioeconomy Corporation dan syarikat berasaskan bio dan pakar sisa makanan, MAEKO Sdn Bhd (MAEKO).

Naib Presiden Kanan Bahagian Sokongan Industri Bioeconomy Corporation, Nora Mohamed berkata, program itu membabitkan 45 peserta dari Komuniti Kebun Agro Harmoni Persatuan Perumahan Awam Seri Sabah dan Komuniti Kebun Agro Desa Rejang, Kuala Lumpur.

Menurutnya, sebanyak tiga mesin kompos MunchBot berkapasiti lima kilogram setiap satu dibekalkan untuk kegunaan kedua-dua komuniti itu selain pesertanya diberikan latihan menyeluruh selama 12 bulan berkenaan amalan pengurusan sisa makanan secara lestari.

Kaedah baharu babitkan 45 peserta dari Komuniti Kebun Agro Harmoni Persatuan Perumahan Awam Seri Sabah dan Komuniti Kebun Agro Desa Rejang, Kuala Lumpur



NORA (kanan) bersama peserta program

"Peserta komuniti mampu mengitar semula sisa makanan dan menghasilkan kompos berasaskan bio dalam tempoh hanya 24 jam, jauh lebih pantas berbanding kaedah konvensional yang memerlukan 60 hari atau lebih.

"Setiap 450 kilogram (kg) sisa makanan yang diproses boleh menghasilkan sehingga 90 kg baja kompos berkualiti tinggi," katanya ketika meninjau sesi penerangan dan latihan program di Kebun Agro Harmoni Persatuan Perumahan Awam Seri Sabah itu

baru-baru ini.

Hadir sama Pengerusi Komuniti Kebun Agro Harmoni Persatuan Perumahan Awam Seri Sabah, Raja Rahim Raja Muhaiddin, Pengerusi Komuniti Kebun Agro Desa Rejang, Mohd Noor Md Tahir, Penolong Pengarah Bahagian Pertanian Bandar Jabatan Pertanian, Mohd Iskandar Jalawan, dan Ketua Bahagian Jualan MAEKO, Mae Ooi.

Menurut Nora, peserta turut berpeluang menjana pendapatan tambahan dengan menjual kompos dan hasil tanaman mereka.

"Hasil pengurusan

yang berkesan, peserta berpotensi meraih pendapatan RM450 sebulan hasil daripada usaha lestari ini," katanya.


Katanya, program itu menyumbang secara langsung kepada pengurangan sisa makanan, mengurangkan kebergantungan kepada baja kimia serta memastikan penghasilan tanaman yang segar, selamat dimakan dan bebas daripada residu kimia sintetik.

Penghasilan kompos secara manual turut digalakkan sebagai amalan harian di rumah masing-masing sekali gus memupuk kesedaran dan pembabitkan aktif komuniti terhadap penjagaan alam sekitar.



PESERTA menunjukkan siji Program Kembara Komuniti - Pengkomposan Sisa Makanan di Kebun Agro Harmoni Persatuan Perumahan Awam Seri Sabah

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/5/2025	KOSMO	NEGARA	14



NOR FAIZI memandikan Kiko yang telah ditempah pelanggan sempena Hari Raya Aidiladha di Kampung Bukit Parit, Marang semalam.

Kiko seberat 1.1 tan dijual RM30,000

- Lembu sado laku keras sempena Hari Raya Aidiladha
- 20 ekor lembu telah ditempah

Oleh ZAID MOHD. NOOR

MARANG – Seorang penternak tersenyum lebar apabila menerima tempahan 20 ekor lembu sado termasuk dari luar Terengganu untuk dijadikan korban sempena sambutan Hari Raya Aidiladha tidak lama lagi.

Nor Faizi Mamat berkata,

setiap ekor lembu sado yang ditempah itu seberat antara 800 kilogram (kg) hingga 1.1 tan.

Katanya, lembu sado ternakannya dijual pada harga RM18,000 hingga RM30,000 se-ekor.

"Lembu sado paling berat ialah 1.1 tan yang bernama Kiko berusia tiga tahun.

"Lembu ini yang paling saya sayang kerana pernah beberapa kali memenangi pertandingan di sekitar negeri ini," katanya ketika ditemui di Kampung Bukit Parit di sini semalam.

Menurutnya, dia turut menerima tempahan kira-kira 70

ekor lembu biasa bagi ibadah korban setakat ini.

Katanya, kesemua lembu biasa itu seberat antara 300 hingga 500kg yang dijual pada harga bermula RM4,800 hingga RM6,000 seekor.

"Saya menjangkakan menerima tempahan sekurang-kurangnya 100 ekor lembu biasa dan sado sempena sambutan hari raya haji ini.

"Kesemua haiwan ruminan ini dalam keadaan sihat dan menerima suntikan vaksin," katanya yang menternak 300 ekor lembu di sebuah ladang ternakan di Jambu Bongkok, di sini.